

KLUSTER 6

JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH BELAIT

STRUKTUR ORGANISASI KLUSTER ENAM



Halizawati binti Haji Kepli
Pmk. Pegawai Pendidikan Kanan / Ketua Kluster Enam



Annie Sindai
Pegawai Pendidikan / Penolong Ketua Kluster 6

PEGAWAI-PEGAWAI KLUSTER 6



Noor Aida binti Hj
Mohd Hassan
Pegawai Pendidikan
Tingkat Khas



Hjh Rozinani binti
Hj Zaini
Pegawai Pendidikan
Tingkat Khas



Maslinah binti
Muhamad Masdi
Pegawai Pendidikan



Nazli Noor binti
Haji Marmin
Pegawai Pendidikan



Reduan bin Haji
Assan
Pegawai Pendidikan



Nor Azman bin Haji
Sadim
Guru Tertlatih



Abdul Rashid bin
Muhammad Daud
Pegawai Pelajaran



Roshidi bin Haji
Sabtu
Pegawai Pelajaran



Roziah binti
Mohammad
Fauzi
Guru Tingkat II

KAKTANGAN KLUSTER 6



Izalailawati binti
Omar
Kerani



Norhayati binti Hj
Nor
Kerani



Hjh Zuriyah binti Hj
Hol
Kerani



Maimoon binti
Akob@Hamzah
Jabbing Clerk



Pg Md Azizul bin Pg Hj
Omar
Penyelenggara Stor



Mohammad Khairul
bin Bongsu
Pembantu Pejabat



Aidah binti Hj Basir
Penyambut Tetamu/
Operator



Dk Norlila binti Pg
Othman
Pembersih

INISIATIF KLUSTER 6

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

1. RANCANGAN PEMBAIKAN SEKOLAH 2023

Pasukan penilai yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kluster 6 telah mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah sepanjang bulan Februari 2023 bagi Planning Stage dan bulan Jun bagi fasa ke-2 (Do & Check) untuk memastikan format templat pelan adalah seragam dan pengisian kandungannya adalah bersesuaian dengan matlamat bidang fokus yang telah dipersetujui oleh pihak sekolah di peringkat dalaman masing-masing.

1. Memantau & memberi sokongan kepada sekolah dalam pelaksanaan kitaran Deming (Rancang, Lakukan, Semak, Bertindak / *Plan, Do, Check, Act*) dalam Rancangan Penambahbaikan Sekolah (SIP) melalui siri perundingan dan sesi maklum balas dengan pembuktian fizikal.
2. Mengumpul data SIP menyediakan laporan PDCA mengenai perkembangan SIP di sekolah dan mengongsikan dapatan bersama Pemimpin sekolah.



*Lawatan Pemantauan Dan Penilaian Peringkat Perancangan (Planning Stage)
SR Sungai Tali – 15 Februari 2023*



*Lawatan Pemantauan Dan Penilaian Peringkat Perancangan (Do & Check)
SR Ahmad Tajuddin – 22 Jun 2023*

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

2. LEADERSHIP CIRCLE

'Leadership Circle' adalah satu platform untuk pemimpin sekolah mengongsikan amalan-amalan terbaik sekolah dalam meningkatkan pencapaian peperiksaan awam (PSR dan GCE 'O' Level) dan strategi-strategi kepimpinan untuk memantapkan lagi kompetensi BDSL pemimpin-pemimpin sekolah.

Majlis penghargaan juga diadakan untuk pemimpin-pemimpin sekolah yang telah menunjukkan peningkatan / mengekalkan pencapaian Peperiksaan PSR 2022 dan BGCE peringkat 'O' Level (5 'O' ke atas) tahun 2022 bagi menghargai usaha sekolah sebagai penyuntik semangat bagi sekolah-sekolah yang lain.



*Taklimat School Learning Recovery Plan
Cikgu Rizrani binti Hj Abdul Halim, Guru Besar SR Muhammad Alam*



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

3. PROGRAM MENTOR & MENTEE

Program ini diungkapkan oleh Mentor yang terdiri daripada pegawai-pegawai kluster 6 dan pemimpin-pemimpin sekolah yang berpengalaman dan berpotensi sebagai Mentor kepada Mentee yang baru dilantik sebagai pemimpin sekolah dan mempunyai kompetensi kepimpinan BDSL yang perlu dikukuhkan lagi.

Bimbingan dan sokongan diberikan kepada pemimpin sekolah dengan mengenalpasti kompetensi BDSL yang dipersetujui oleh Mentor dan Mentee.

Perhubungan profesionalisma ini menggalakkan perkongsian amalan-amalan terbaik dikalangan pemimpin-pemimpin sekolah supaya sama-sama dapat meningkatkan tahap kepimpinan masing-masing bagi menyokong pencapaian prestasi sekolah yang lebih cemerlang.



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

4. ONLINE TEACHING AND LEARNING

Kesemua Sekolah Menengah mempraktikkan Online Teaching and Learning pada setiap Hari Jumaat bagi pelajar-pelajar peringkat Menengah Bawah bagi meneruskan amalan terbaik "*Home Based Learning*" yang pernah dilaksanakan semasa penutupan sekolah disebabkan pandemik Covid-19 dan juga untuk merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan kearah '*digital transformation*'.

Mana kala bagi peringkat Menengah Atas, program ini dijalankan pada waktu petang mengikut jadual samada di rumah atau di sekolah. Pelajar-pelajar yang tinggal di asrama SM PJN Pg Hj Abu Bakar mengikuti pembelajaran secara online di bilik perpustakaan sekolah.

Para pelajar digalakkan membawa peranti IT seperti laptop / ipad / telefon bimbit dengan kebenaran pihak sekolah untuk menyokong *blended learning* dalam pengajaran dan pembelajaran.



'Blended Learning' - SM Perdana Wazir



Pelajar-pelajar hostel menghadiri pembelajaran secara online di bilik perpustakaan SM PJN Pg Hj Abu Bakar

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

5. LEADERSHIP IN ACTION (LIA)

Program secara 'live sharing' ini dilaksanakan mulai bulan pada Julai hingga Ogos dengan tujuan membangun dan mengembanguaskan kompetensi pemimpin-pemimpin sekolah kearah perubahan organisasi yang lebih mantap dan berkesan.

Diantara objektifnya ialah:

1. Untuk mengongsikan pengalaman dalam isu-isu organisasi dan cabaran sebenar yang akan memberi bimbingan dan panduan kepada pemimpin-pemimpin sekolah supaya dapat melangkah lebih berani ke dalam peranan kepimpinan mereka dengan kemahiran dan keyakinan baru.
2. Untuk meningkatkan kerjasama di kalangan pemimpin sekolah dalam usaha untuk menangani isu-isu setiap organisasi dengan lebih strategik.
3. Untuk mengembangkan perspektif pemimpin-pemimpin sekolah dan berkongsi amalan terbaik dari satu organisasi ke organisasi yang lain.



SR Kuala Belait - 3 Julai 2023



Pusat Tingkatan Enam Belait - 4 Julai 2023

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023


6. PROFESSIONAL DEVELOPMENT MINI CONFERENCE 2023 PANAGA SCHOOL

Kluster Enam berkolaborasi bersama Panaga School melalui penyertaan guru-guru daripada Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan, Daerah Belait dalam bengkel profesional yang diungkayahkan oleh tenaga pengajar institusi berkenaan pada Hari Juma'at, 17 Mac 2023 dari jam 7.50 pagi sehingga 11.00 pagi. Pada 31 Januari, 2023, perbincangan Kluster dibuat bersama wakil Panaga School secara maya untuk menetapkan format bengkel dan jumlah peserta yang boleh menyertai kolaborasi tersebut.

Matlamat kolaborasi Kluster bersama Panaga School adalah untuk menyediakan platform bagi perkongsian bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dikalangan guru-guru, meraih amalan-amalan terbaik dari institusi-institusi lain dan menjalinkan networking yang berterusan.

Seramai 51 orang terdiri daripada guru-guru dan pegawai-pegawai Kluster Enam menyertai satu sesi pencerapan dengan teknik 'looking for learning'. Tujuan pencerapan adalah bukan untuk menilai pengajaran guru tetapi untuk melihat serta bertanya kepada pelajar apa sahaja yang berkaitan dengan topik yang diajar dan menyampaikan maklumbalas pelajar kepada guru supaya guru dapat memperbaiki lagi pengajaran yang seterusnya dan memberi sokongan mengikut keperluan pelajar.

Sesi kedua ialah bengkel mengenai 'Language Leaders', 'Maths Investigations', 'Artificial Intelligence', 'Phonics and Spelling' dan 'Guided Reading'. Sebanyak 94 penyertaan Kluster Enam telah didaftarkan bagi Sesi 1 dan 2.



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

7. PROGRAM PERKEMBANGAN PENUNTUT 3P's - LitCamp Awal Literasi

Program dimulakan dengan sesi taklimat keselamatan dan juga ucapan aluan daripada pengerusi program. Taklimat ringkas mengenai peranan dan keahlian turut disampaikan oleh wakil daripada Ketua Cawangan Perpustakaan Kg Pandan.

Sebelum memulakan aktiviti, murid-murid beserta dengan guru-guru pengawas melakukan aktiviti fizikal literasi iaitu sesi pemanasan badan yang ringan sambil menyanyi dan mengikuti gerakan yang betul seperti yang dipaparkan di skrin.

Murid-murid kemudiannya dibahagikan kepada 4 kumpulan (mengikut warna) dan diagihkan kepada station-station yang telah diaturkan. Terdapat 4 station dengan berlainan aktiviti.

Secara keseluruhan, program 3P's LitCamp Awal Literasi berjalan dengan baik di mana ianya telah pun mencapai objektif program secara keseluruhan. Di samping dapat meningkatkan motivasi dan minat murid untuk membaca, ianya juga serba sedikit dapat membantu pihak sekolah khususnya sekolah-sekolah rendah di kluster 6 di dalam mendukung program literasi yang terdapat di sekolah-sekolah pada masa ini.



Aktiviti bagi Cabaran Literasi

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

8. PROGRAM PERKEMBANGAN PENUNTUT 3P's - 21CLS NXplorers

Program 3P's 21CLD Nxplorers telahpun dijalankan selama 6 hari iaitu bermula pada 13 Mac 2023 hingga 21 Mac 2023. Ianya diadakan di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait. Seramai 34 orang penuntut tahun 9 telahpun dipilih bagi mengikuti program tersebut.

Melalui program ini, penuntut diberikan penjelasan dengan lebih terperinci mengenai NXplorers Program yang berkisarkan kepada 3 tema iaitu Makanan (Food), Air (Water) dan Tenaga (Energy) FEW.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa aktiviti praktikal yang dilakukan bagi mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran penuntut disepanjang program ini seperti kemahiran berfikir, berkomunikasi, berfikir secara kritis, kerja berpasukan, penyelidikan dan sebagainya. Penuntut juga didedahkan dengan beberapa isu yang terdapat di Negara Brunei Darussalam seperti masalah sampah, pencemaran udara dan air, kekurangan produk tempatan, longkang tersumbat dan sebagainya.

Program 3P's 21st CLD NXplorers telah mencapai objektif iaitu meningkatkan kompetensi dan kemahiran '21st Century Learning Skills' dikalangan pelajar. Ini dapat dilihat daripada maklum balas yang diberikan oleh penuntut dimana mereka berpendapat bahawa melalui program ini ianya telah mempertingkatkan kemahiran Kominikasi (37%), Berfikir Secara Kritis (29.6%) Kreativiti dan Penyelesaian Permasalahan (11.1%).



SMPW NXplorers Projek kolaborasi diantara K6, JSS Bersama dengan BSP dan SEL



Aktiviti Sepanjang 6 Hari




Pembentangan bagi Isu-Isu yang melibatkan FEWE

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

9. 'NUMERACY PROGRAMME WITH PRIVATE STAKEHOLDERS' 2023

Kluster Enam berkolaborasi bersama Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd melalui penglibatan sukarelawan-sukarelawan daripada syarikat tersebut dalam Program Sokongan Numerasi bagi pelajar-pelajar di Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Mohd Yusof, Pemilihan sekolah dibuat adalah berdasarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah yang masih memerlukan penambahbaikan dan kesediaan sekolah untuk meneruskan program yang pernah dijalankan pada tahun 2021.

Program sokongan ini bertujuan untuk memberi motivasi dan bimbingan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan dalam penguasaan matapelajaran Mathematics dan mempersiapkan murid bagi menduduki peperiksaan PSR pada tahun 2023 ini.



Pada 8 Februari 2023, Kluster Enam mengadakan mesyuarat bersama pihak BSP dan SR PSN Pg Mohd Yusof untuk mendengarkan laporan sekolah mengenai pelaksanaan program sukarelawan pada tahun 2021. Mesyuarat dihadiri oleh 2 orang wakil dari BSP, 2 dari SEL, 2 dari SR PSN Pg Mohd Yusof dan 5 orang dari kluster 6.



Sesi Muzakarah pemimpin sekolah, guru-guru dan pelajar-pelajar bersama sukarelawan-sukarelawan BSP diadakan pada 4 Mac 2023 di Sekolah Rendah PSN Pg Mohd Yusof.



Sukarelawan-sukarelawan BSP

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

10. PROGRAM PERKEMBANGAN DAN PENGUKUHAN PENGAJARAN (4PG) BAGI GURU-GURU TAHUN 4

Program Perkembangan dan Penguhan Pengajaran (4PG) menyediakan platform bagi guru Tahun 4 membuat perkongsian pengajaran dan pembelajaran menggunakan "TPaCK framework" Ia juga memberi ruang kepada guru-guru Tahun 4 untuk berkongsi kemahiran dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing bagi mencapai objektif program 4PG.

1. Membudayakan pelbagai pengajaran dan pembelajaran mengikut keupayaan pelajar, tajuk pembelajaran dan pengajaran serta keperluan pihak kementerian Pendidikan bagi mencapai wawasan 2035.
2. Membudayakan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada peningkatan kompetensi pemikiran pelajar.
3. Membantu menghasilkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya menghasilkan TPaCK pengajaran dan pembelajaran Tahun 4 bagi penggal pertama. Ia digunakan oleh guru-guru Tahun 4 dan dicerap oleh Guru Besar Sekolah masing-masing dengan menggunakan borang pencerapan BTS-TPA 2.0.



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

11. PROGRAM SESI DIALOG GURU TAHUN 6 (2022) DAN GURU TAHUN 7 (2023)

Program dialog guru-guru Tahun 6 (2022) dan Tahun 7(2023) dilaksanakan untuk membukakan platform bagi perbincangan dua hala diantara guru-guru Tahun 6 (2022) dan Guru Tahun 7 (2023) mengenai keperibadian, keupayaan dan keperluan pelajar tahun 6 (2022) yang sedang menuntut di Tahun 7 (2023) di Sekolah Menengah.

OBJEKTIF:

1. Mengeratkan silaturahim di antara guru-guru tahun 6 (2022) dengan guru-guru tahun 7 (2023)
2. Membincangkan dan memberi input dalam isu- isu pembelajaran pelajar semasa Tahun 6 (2022)

Program diadakan mengikut kawasan tadahan pada 28 Januari 2023 dan 30 Januari 2023. Dua orang wakil guru sekolah rendah dari setiap tadahan mengongsikan profil sekolah, isu dan cabaran yang dihadapi semasa bersama murid tahun 6(2022).

Acara di akhiri dengan guru-guru Tahun 6 (2022) bermuzakarah bersama guru-guru tahun 7(2023) mengikut subjek yang diajar semasa Tahun 6 (2022).



Perkongsian Dari Wakil Kluster 6



Muzakarah Bersama Guru Tahun 7

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

12. SCHOOL MAINTENANCE SUPPORT TEAM

School Maintenance Support Team merupakan kumpulan sokongan kluster 6 yang melaksanakan program/inisiatif yang menjurus kepada 2 pekara utama iaitu:

1. Memantau penyelenggaraan infrastruktur sekolah- sekolah.
2. Membimbing dan memantau sekolah dalam penghapusan harta benda.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kluster 6 turut bergotong-royong bersama guru-guru dan buruh-buruh sekolah kluster 6 memunggah, menyusun barang-barang yang akan dihapuskan dan membersihkan kawasan sekolah dalam usaha membantu pihak sekolah bagi proses penghapusan harta benda kerajaan.

Pada 9 Februari 2023, pihak kluster telah mengadakan Taklimat Tatacara Penghapusan Harta Benda Kerajaan dari Kira-Kira untuk semua Pemimpin Sekolah Kluster 6 di Pusat Tingkatan Enam Belait.



Penghapusan Harta Benda Kerajaan dibuat oleh SR OKPB Bukit Sawat di tapak penghapusan Sg Paku, Tutong.



Penghapusan Harta Benda Kerajaan dibuat oleh Jabatan Sekolah-Sekolah di tapak penghapusan Sg Paku, Tutong.

RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

13. PROGRAM PEMBANGUNAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN KLUSTER 6 (PSKB) OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM TEMBURONG (OBBD)

Program yang menyasarkan aktiviti-aktiviti teambuilding ini telah dijalankan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Temburong pada hari Ahad, 07 Rejab 1444 bersamaan 29 Januari 2023.

Seramai 41 peserta telah mengikuti aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh pemudah cara-pemudah cara Outward Bound Brunei Darussalam, Temburong. Peserta-peserta terdiri daripada 14 Pemimpin Sekolah, 8 Timbalan-Timbalan Pengetua, 7 Penolong-Penolong Guru Besar, 8 Pegawai-Pegawai Kluster 6, seorang intern dari UBD dan 3 Kakitangan Bantu Kluster 6.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memantapkan tali silaturrahim antara Pegawai-Pegawai dan Pemimpin-Pemimpin Sekolah, Timbalan-Timbalan Pengetua, Penolong-Penolong Guru Besar dan Kakitangan Bantu di Kluster 6.



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

14. WHOLE SCHOOL EVALUATION

Dapatan dari hasil pemeriksaan IWSE bagi 2022 telah dikongsikan oleh Cikgu Nazli Noor Binti Hj Marmin, Pegawai Kluster 6 semasa Perjumpaan Pertama Ketua Kluster 6 dengan Pemimpin-Pemimpin Sekolah di Pusat Tingkatan Enam Belait pada 14 Januari 2023.

Antara perisian kongsisama ini adalah menerangkan perkara-perkara yang memerlukan pembaikan secara keseluruhan dan juga mengongsikan amalan-amalan terbaik dan tatacara menggunakan:-

1. Standard Indicator
2. Guiding Questions
3. Possible sources of evidences to support answer to the Guiding Questions
4. Rubrics
5. Quantifying Terms

Turut dikongsikan adalah contoh penggunaan ONEDRIVE bagi memudahkan data WSE diakses oleh pihak sekolah dan pihak-pihak tertentu.

Contoh mengisi borang dapatan untuk mendapatkan band 4 dan 5 serta tatacara melampirkan pembuktian bagi bidang focus yang dinilai juga dikongsikan.



RANCANGAN TINDAKAN TAHUN 2023

15. LAWATAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

Pegawai-pegawai kluster bersama dengan Ketua Kluster membuat lawatan kerja, lawatan pemantauan dan sokongan ke sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan 6 di bawah Kluster 6, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Belait mengikut jadual yang dirancang ataupun lawatan secara mengejut (tidak berjadual) atau bila-bila masa diperlukan.

Objektif lawatan ke sekolah-sekolah dibawah tadahan Kluster 6 ialah:

1. Untuk menyediakan khidmat bantu dan sokongan kepada pemimpin sekolah dalam melaksanakan inisiatif pendidikan, menyelia dan memantau perkembangan dan kemajuan sekolah-sekolah.
2. Untuk memastikan kelancaran operasi harian sekolah dan mengenalpasti keberkesanan dan keselamatan sekolah terutama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
3. Untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti di dalam suasana yang kondusif.
4. Untuk berkongsi maklumat dengan pemimpin-pemimpin sekolah.
5. Serta lain-lain keperluan lawatan pemantauan seperti yang dikehendaki dari masa ke semasa.

Semasa lawatan kerja, pemimpin sekolah juga berpeluang untuk menyuarakan mengenai isu dan cabaran mereka kepada pegawai-pegawai kluster yang telah diaturkan mengikut zon semasa lawatan. Sehubungan dengan itu, pegawai pihak kluster akan berbincang dengan Ketua Kluster untuk membantu sekolah dengan merujuk kepada bahagian-bahagian yang tertentu di Kementerian Pendidikan serta mencari penyelesaian kepada setiap permasalahan sekolah.



Lawatan Pemantauan Kesiediaan Pembukaan Sekolah Di Sekolah-Sekolah Kluster 6



Lawatan Pemantauan Dan Sokongan Ke Sekolah-Sekolah Kluster 6